



14 Mac 2016
14 March 2016
P.U. (A) 60

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2016

PERSONAL DATA PROTECTION (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010
PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) dan perenggan 143(2)(d) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pengkompaunan Kesalahan) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2016.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis dalam Borang 1 Jadual Kedua.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua.

Pembayaran kompaun

4. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia boleh membayar kompaun itu—

- (a) secara kiriman wang pos, draf bank atau pesanan bank yang kena dibayar kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”; atau
- (b) melalui pemindahan wang secara elektronik.

(2) Jika bayaran dibuat di bawah perenggan 4(1)(a), ia boleh diserahkan secara sendiri atau dihantar melalui surat berdaftar yang dialamatkan kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia.

(3) Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), “resit rasmi” termasuklah apa-apa resit elektronik yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia jika bayaran dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

- (a) kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 seperti yang berikut:
- (i) subseksyen 5(2);
 - (ii) subseksyen 16(4);
 - (iii) subseksyen 18(4);
 - (iv) subseksyen 19(2);
 - (v) subseksyen 37(4);
 - (vi) subseksyen 38(4);
 - (vii) subseksyen 40(3);
 - (viii) subseksyen 43(4); dan
 - (ix) subseksyen 108(8);
- (b) kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013 [P.U. (A) 335/2013] seperti yang berikut:
- (i) subperaturan 3(1);

- (ii) peraturan 6;
 - (iii) peraturan 7; dan
 - (iv) peraturan 8; dan
- (c) kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013 [P.U. (A) 337/2013] seperti yang berikut:
- (i) subperaturan 5(2);
 - (ii) subperaturan 6(5); dan
 - (iii) subperaturan 8(3).